

## **MAA Takaful Berhad kini dikenali sebagai Zurich Takaful Malaysia Berhad**

**Kuala Lumpur, 2 Ogos 2016** – Zurich Insurance Group (Zurich) hari ini mengumumkan bahawa berikutan pengambilalihan MAA Takaful Berhad (MAAT), salah sebuah penyedia utama produk Takaful di Malaysia pada 30 Jun 2016, MAAT kini dikenali sebagai **Zurich Takaful Malaysia Berhad (ZTMB)** berkuat kuasa hari ini.

**Ketua Pegawai Eksekutif ZTMB, Salim Majid Zain** menjelaskan proses integrasi ZTMB ke Zurich telah bermula sejak **1 Julai 2016**, sebaik sahaja MAAT secara rasminya menjadi sebahagian daripada ahli Kumpulan Zurich. “Kami amat teruja menjadi sebahagian daripada ahli keluarga Zurich, sebuah organisasi yang benar-benar beroperasi pada skala global. Langkah kami seterusnya adalah untuk menggabungkan reputasi kukuh ZTMB, pengetahuan pasaran tempatan serta keupayaannya dengan jenama antarabangsa Zurich, bersama-sama sumber dan kepakarannya. Transisi penuh kepada jenama Zurich akan dilaksanakan dalam tempoh beberapa bulan akan datang dan dijangka selesai pada 2017.”

Zurich mempunyai kedudukan yang unik di Malaysia kerana ia kini menawarkan rangkaian produk serta penyelesaian insurans yang lengkap, merangkumi kedua-dua produk konvensional iaitu Insurans Hayat dan Am di samping produk Takaful Keluarga dan Takaful Am di bawah satu jenama.

ZTMB menyediakan Zurich dengan lesen, produk dan infrastruktur yang sewajarnya bagi menembusi pasaran Takaful. Ia membolehkan Zurich memasuki segmen pelanggan yang baru dengan rangkaian produk yang berbeza bagi memenuhi permintaan pasaran Takaful yang kian meningkat. Ia juga menyediakan potensi pertumbuhan hebat yang ditawarkan oleh pasaran Takaful tempatan.



“Bagi membolehkan Zurich mencapai potensi penuh di Malaysia dan memperoleh agihan pasaran yang disasarkan, kami seharusnya mampu menyediakan penyelesaian insurans yang menarik, sejajar dengan keperluan para pelanggan di seluruh negara; terutamanya dalam menyediakan produk untuk melindungi diri serta aset mereka.

Melalui ZTMB dan syarikat sekutu, **Zurich Insurance Malaysia Berhad (ZIMB)**, kami yakin dapat menawarkan para pelanggan dengan rangkaian penyelesaian Insurans dan Takaful yang meluas merangkumi pelbagai segmen pelanggan. Kedua-dua syarikat ini akan saling melengkapi antara satu sama lain, di samping memanfaatkan kepakaran global Zurich bertujuan memperluaskan penyelesaian yang sedia ada untuk memenuhi pelbagai keperluan pelanggan kami,” kata **Philip Smith, Pengarah Eksekutif ZTMB dan Ketua Pegawai Eksekutif ZIMB**.

Perubahan nama syarikat tidak akan menjelaskan pemegang sijil Takaful sedia ada dan semua kewajipan kekal ditunaikan sehingga tamat terma. Syarikat akan terus beroperasi melalui rangkaian pejabat cawangan yang sedia ada di seluruh Malaysia. Para pelanggan juga akan terus menerima perkhidmatan daripada agen atau broker ZTMB mereka.

Untuk maklumat lanjut, para pelanggan boleh melayari laman web rasmi syarikat yang baru di [www.zurich-takaful.com.my](http://www.zurich-takaful.com.my) dan talian am ZTMB masih kekal di **03 - 6287 6666**.

Pengambilalihan MAAT daripada MAA Group Berhad (MAAG) dan Solidarity Group Holding BSC (Closed) oleh Zurich disempurnakan pada 30 Jun 2016.

###



**Zurich Insurance Group (Zurich)** merupakan penyedia pelbagai insurans utama yang memberi perkhidmatan kepada pelanggan di pasaran antarabangsa mahupun tempatan. Dengan kira-kira 55,000 orang kakitangan, Zurich menawarkan pelbagai jenis produk serta perkhidmatan insurans am dan insurans hayat. Pelanggan-pelanggan Zurich merangkumi individu, perniagaan kecil sederhana mahupun besar, juga syarikat multinasional di lebih daripada 170 buah negara. Kumpulan ini beribu pejabat di Zurich, Switzerland dan telah diasaskan pada tahun 1872. Syarikat pegangannya, Zurich Insurance Group Ltd (ZURN), disenaraikan di *SIX Swiss Exchange* dan bertaraf tahap I program Resit Depositari Amerika yang didagangkan menerusi kaunter pada OTCQX. Maklumat lanjut mengenai Zurich boleh diperolehi di [www.zurich.com](http://www.zurich.com)

**Zurich Takaful Malaysia Berhad (ZTMB)** merupakan salah sebuah syarikat Takaful terkemuka di Malaysia. Ia merupakan ahli Zurich Insurance Group (Zurich) dan penyedia tunggal produk Takaful untuk Zurich. Dengan kepakaran pasaran takaful selama sembilan (9) tahun serta rangkaian penyelesaian produk Takaful Keluarga dan Am yang meluas, ZTMB mampu memenuhi pelbagai keperluan pelanggan dan memberi perkhidmatan kepada lebih 1.1 juta pemegang sijil di seluruh negara. Syarikat ini dahulunya dikenali sebagai MAA Takaful Berhad. Zurich mempunyai kedudukan unik dalam pasaran insurans di Malaysia di mana ia juga menawarkan pelbagai penyelesaian insurans konvensional merangkumi Insurans Hayat dan Am melalui syarikat sekutu, Zurich Insurance Malaysia Berhad. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Takaful di Malaysia, layari [www.zurich-takaful.com.my](http://www.zurich-takaful.com.my).

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

***Zurich Takaful Malaysia Berhad***

**Haslinda Mohd Saleh**

Tel : 03 – 6287 6466  
Fax : 03 – 6259 0088  
Emel : [haslindamohdsaleh@maa.my](mailto:haslindamohdsaleh@maa.my)

**Alexandra Lee Abraham**

Tel : 03 – 21468957  
Fax : 03 – 21432124  
Emel : [alexandra.lee@zurich.com.my](mailto:alexandra.lee@zurich.com.my)

**Fazrah Fadzil Khan**

Tel : 03 – 21468499  
Fax : 03 – 21432124  
Emel : [fazrah.fadzil@zurich.com.my](mailto:fazrah.fadzil@zurich.com.my)



***ROOTS PR Sdn Bhd***

**Ethan Wong**

H/P : 016 - 904 4240  
Tel : 03 – 74940292  
Email : [ethan.wong@rootsasia.com](mailto:ethan.wong@rootsasia.com)

**Hwei**

H/P : 017 - 920 6838  
Tel : 03 – 74940292  
Email : [hwei@rootsasia.com](mailto:hwei@rootsasia.com)